



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD3 (86)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

MOTAC RAI KETIBAAN PELANCONG SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA

22 Januari 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) meraikan ketibaan pelancong dari China, Vietnam, Thailand, Hong Kong dan Taipei di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) bersempena dengan Majlis Sambutan Ketibaan Pelancong Sempena Perayaan Tahun Baru Cina 2023 yang disambut hari ini. Delegasi sambutan diketuai oleh YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Seramai 237 penumpang dari Fuzhou, China tiba pada jam 1.50 tengahari. Para penumpang dari penerbangan Xiamen Air (MF 0877) ini disambut dan diraikan oleh YB Dato Sri Tiong King Sing. Sambutan ini dimeriahkan dengan penyampaian cenderamata kepada kesemua pelancong yang tiba melalui penerbangan tersebut.

Seterusnya, YB Dato Sri Tiong King Sing juga berkesempatan menyampaikan cenderamata kepada 186 orang penumpang yang menaiki penerbangan Air Asia (AK527) dari Saigon, Vietnam pada jam 4.25 petang di KLIA2. Turut diadakan ialah majlis sambutan kepada penumpang-penumpang yang tiba menaiki pesawat Malaysia Airlines (MH 0789) dari Bangkok, Thailand di KLIA, jam 5.30 petang melibatkan sejumlah 160 penumpang.

Terdahulu, seramai 286 penumpang penerbangan Cathay Pacific (CX 0723) dari Hong Kong yang tiba di Terminal Satelit, KLIA jam 12.30 tengahari disambut oleh Ketua Setiausaha MOTAC, YBhg. Datuk Hajah Saraya Arbi. Beliau kemudiannya menyambut ketibaan 365 penumpang penerbangan China Airline (CI 0721) dari Taipei, jam 1.15 petang.

Pemberian cenderamata ini adalah bagi meraikan ketibaan pelancong sekaligus membolehkan mereka merasai suasana sambutan Tahun Baru Cina di Malaysia yang unik kerana diraikan oleh masyarakat berbilang kaum.

Sejajar dengan kalendar lunar tahun ini iaitu Tahun Arnab yang merupakan simbol panjang umur, keamanan, dan kemakmuran dalam budaya masyarakat Cina, MOTAC percaya perayaan ini menjadi salah satu asas kepada keakraban serta perpaduan kesemua rakyat Malaysia. Usaha Kementerian ini sedikit sebanyak dapat menceriakan lagi sambutan perayaan Tahun Baru Cina 2023 dalam suasana kehidupan rakyat Malaysia yang majmuk dan harmoni.

“Sepanjang tahun kita mempunyai banyak perayaan yang bukan sahaja diraikan oleh sesuatu kaum, tetapi turut diraikan bersama oleh kaum-kaum lain. Saya yakin sambutan tahun ini lebih ceria dan meriah setelah dua tahun kita terpaksa berhadapan dengan sambutan perayaan Tahun Baru Cina melalui pendekatan teknologi dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Dengan inisiatif MOTAC yang menyambut ketibaan kumpulan pelancong pada hari ini khususnya mereka yang meraikan Tahun Baru Cina, dapat membuka minda seluruh dunia bahawa Malaysia terbuka dalam menerima kemasukan pelancong asing.”

“Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kerana membantu mempermudah kemasukan pelancong dengan menyediakan papan tanda dalam Bahasa Mandarin. MOTAC menyasarkan kemasukan pelancong China yang tinggi bersempena dengan kelonggaran perjalanan *non-essentials* yang diumumkan oleh Kerajaan Negara China. Semoga semua dapat bekerjasama dan mengambil peluang ini bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dalam sektor pelancongan,” jelas YB Dato Sri Tiong King Sing.

Hadir sama dalam sambutan ini ialah YBhg. Datuk Mohd Zamri Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), MOTAC dan YBhg. Dato’ Haji Zainuddin Abdul Wahab, Ketua Pengarah Tourism Malaysia.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my Facebook,

Instagram & Twitter: @mymotac